

## KAJIAN SOSIOLOGI BAHASA DALAM PUISI-PUISI DHARMAWIJAYA *Study on Language Sociology in Dharmawijaya Poem*

ANI BINTI HAJI OMAR  
ani.omar@fbk.upsi.edu.my  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### ABSTRAK

Puisi Melayu moden atau sajak yang dihubungkan dengan persoalan kemasyarakatan timbul daripada kesedaran serta keyakinan penyair bahawa hubungan diantara sastera dan masyarakat begitu erat. Oleh itu penyair akan berusaha menyampaikan apa yang benar-benar berlaku dalam sesebuah masyarakat melalui puisi atau sajak ciptaan mereka. Sehubungan itu artikel ini akan menghubungkan disiplin ilmu sosiologi dan kaitannya dengan bahasa dalam mengkaji tiga buah puisi Dharmawijaya iaitu “Kampung Talang”, “Cinta Sayang di Sawah Ladang” dan “Tanah Airku” dalam melihat gambaran masyarakat dan keadaan sebenarnya yang berlaku di kampung halaman penyair serta di tanah air ketika puisi itu dicipta. Ia merangkumi keadaan sosial, ekonomi dan teknologi antara bandar dan luar bandar yang tidak seimbang. Keadaan sosial yang pincang dan masalah kepimpinan yang korup juga disentuh dalam kajian ini. Sesuai dengan disiplin sosiologi bahasa yang diaplikasi, kajian mendapati penyair selepas merdeka seperti Dharmawijaya turut mengisi cita-cita kemerdekaan, menyedarkan bangsanya untuk maju, menulis sajak cinta damai, cinta sawah ladang dan cinta tanah air. Oleh yang demikian, tidak dinafikan lagi bahawa disiplin pelengkap yang menyepadukan karya sastera dengan sosiologi dan bahasa dapat memperlihatkan transformasi dalam kesusasteraan Melayu dengan memelihara jati diri dapat dilaksanakan. Sewajarnya perkara ini dilakukan dengan baik serta penuh rasa tanggungjawab dengan kesedaran diri untuk mengangkat maruah serta martabat bahasa melalui karya kesusasteraan Melayu.

**Kata Kunci:** sosiologi, bahasa, masyarakat, puisi, Dharmawijaya.

### ABSTRACT

*Malay modern poetry or poem which related with community issues arise from awareness along with confidence of poets that relations between literature and community so closely. Therefore, poets will try to convey what actually happened in the community through poem and poetry that their created. Therefore this article will link the disciplines of sociology and its relation to language in the review of three poetry Dharmawijaya namely "Kampung Talang", "Cinta Sayang di Sawah Ladang" and "Tanah Airku" in the community and the real situation happened in the hometown of poet and at a time when poetry was created. It encompasses the social, economic and technological development between urban and rural areas that are not balanced. Social conditions crippled and corrupt leadership issues are also discussed in this study. In accordance with the discipline of applied sociology of language, the study found the poet after independence as Dharmawijaya also fill the ideals of independence, awaken the nation to progress, compose a poem of peace, love and fields and patriotism. Thus, do not doubt that the discipline that integrates complementary sociological literature and languages can show transformation in Malay literature to maintain self-esteem can be implemented. Naturally this is done properly and responsibly with self-awareness to elevate the dignity and prestige of the Malay language through literature.*

**Keywords:** sociology, language, community, poem, Dharmawijaya.

## **PENGENALAN**

Kesusasteraan dapat menyampaikan lebih kesannya dalam hal-hal kemasyarakatan. Sebagai suatu hasil seni kesusasteraan, ia mampu menggambarkan permukaan dari kehidupan-kehidupan sosial, menunjukkan cara manusia mengalami kehidupan bermasyarakat melalui penyair, pengarang atau penulis. Karya adalah cerminan masyarakat atau menjadi bayangan kehidupan sosial sesebuah masyarakat. Hashim Awang (1997:95) menyatakan kesusasteraan dan sosiologi mempunyai beberapa persamaan. Sosiologi adalah bersifat saintifik. Ia mengkaji manusia dalam masyarakat, mengkaji institusi-institusi sosial dan proses sosial; mengkaji untuk menjawab pertanyaan bagaimana kemungkinan wujud masyarakat, bagaimana masyarakat itu berjalan, mengapa masyarakat itu berkekalan. Dengan mengkaji institusi-institusi sosial, agama, ekonomi, politik dan kekeluargaan (struktur sosial). Satu gambaran dibangunkan iaitu bagaimana manusia dapat menyesuaikan diri dan dipengaruhi oleh sesuatu masyarakat tertentu.

Sosiologi juga menyentuh soal-soal yang berhubungan dengan perubahan masyarakat, baik secara beransur-ansur atau mengejut seperti revolusi, dan suatu jenis masyarakat kepada jenis yang lain, misalnya dari feodalisme kepada kapitalisme, juga tentang kesan-kesan daripada perubahan ini. Di samping itu sosiologi juga melihat persoalan-persoalan tentang perubahan dalaman yang kecil seperti konflik antara kelas, kumpulan, individu dan sebagainya. Seperti halnya dengan sosiologi, sastera juga mempersoalkan manusia dalam masyarakat usaha manusia untuk menyesuaikan diri dan usahanya untuk mengubah masyarakat itu. Dalam hal ini, sesungguhnya sosiologi dan sastera berbahagi masalah yang sama. Dalam hal ini puisi juga memainkan peranan penting berurusan dengan susunan sosial, ekonomi, politik yang dirangkum menjadi urusan sosiologi.

Bidang sosiologi bahasa pula ditakrifkan sebagai berfokus kepada keseluruhan topik yang berkaitan dengan organisasi sosial tingkahlaku bahasa, bukan sahaja meliputi penggunaan bahasa tetapi juga sikap bahasa dan tingkahlaku nyata terhadap bahasa dan terhadap pengguna-pengguna bahasa. Mengikut Joshua A. Fishman (1991) Sosiologi Bahasa terbahagi kepada dua, iaitu Sosiologi Bahasa Deskriptif dan Sosiologi Bahasa Dinamik. Untuk kertas kerja ini pengkaji hanya berfokus dan mengaitkan kajian mengikut disiplin sosiologi bahasa deskriptif yang berusaha menjawab soalan siapa penulis, bahasa apa atau ragam bahasa yang digunakan, ditujukan kepada siapa, bila dan untuk apa. Sosiologi Bahasa Deskriptif cuba mengemukakan norma-norma penggunaan bahasa atau dengan perkataan lain, pola penggunaan bahasa sosial serta tingkah laku dan sikap terhadap bahasa yang diterima umum untuk rangkaian sosial dan masyarakat tertentu sama ada masyarakat yang besar atau masyarakat yang kecil.

## **LATAR PENYAIR (DHARMAWIJAYA)**

Nama sebenar Dharmawijaya ialah Kamaruzzaman Bin Abdul Kadir (Allahyarham) yang dilahirkan pada 23 Jun 1937 di kampung Talang, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan. Allahyarham pernah menetap di No. 31, Taman Rashidah Utama, Jalan Paroi, Senawang, 70400 Seremban, Negeri Sembilan. Beliau seorang penyair tanah air yang banyak melahirkan sajak-sajak tentang kehidupan petani. Kampung Talang yang merupakan tanah kelahirannya adalah wajah daripada satu kehidupan masyarakat petani yang banyak terpancar dalam sajak-sajak Dharmawijaya. Kampung Talang dan Dharmawijaya hampir menjadi sinosim, malah kehadiran Dharmawijaya dalam dunia puisi memperlihatkan ciri yang tipikal sebagai tokoh yang sukar untuk memisahkan dirinya daripada dunia petani yang melingkungi kehidupannya. Demikianlah Dharmawijaya menjadi terkenal sebagai penyair yang banyak mengungkapkan masalah dan aspirasi rakyat tani di samping gambaran desa kampung halamannya sendiri. Sepanjang hayatnya lebih daripada 30 tahun Dharmawijaya mengabdikan dirinya dalam dunia persajakan Melayu. Ani Haji Omar (2011:213) menyatakan sesuai dengan dirinya sebagai guru dan pendidik Pak Dharma telah menghasilkan banyak buku dan bahan rujukan dalam bidang kesusasteraan Melayu khususnya dalam genre puisi.

Dharmawijaya terdidik di Sekolah Melayu hingga darjah VII pada tahun 1952. Tahun 1953 terpilih menjadi guru pelatih di Sekolah Rendah Melayu. Kemudian beliau mendapat latihan perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (1954-1956), kemudian di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur (1960). Dengan belajar sendiri Dharmawijaya lulus Sijil Pelajaran Malaysia dan beberapa tahun kemudian lulus Sijil Tinggi Persekolahan. Mulai tahun 1973, beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti

Malaya hingga tahun 1976 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera. Beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1981.

Dharmawijaya pernah menjadi guru bahasa dan kesusasteraan di sekolah menengah, Pembantu Penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka (1971-1972) dan pernah menjadi Profesor Madya (1987-1994) di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan beliau pernah menjadi pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia.

Beliau mula menulis puisi dan esei serta kritikan pada tahun 1960 dan pernah memenangi Hadiah Karya Sastera pada tahun 1971, 1976 dan 1982/1983 dalam bidang puisi. Sebuah karyanya, *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*, turut memenangi Hadiah Sastera Malaysia, sebagai buku kajian sastera moden terbaik pada tahun 1982/83. Pada tahun 1993, beliau dianugerahkan pula SEA Write Award, Negara Thai dan pernah juga memenangi Hadiah GAPENA untuk tahun 1999. Antologi puisi beliau yang telah diterbitkan ialah *Warna Maya* (1974), dan *Derita Buana* (1992). Beberapa buah puisinya juga dimuatkan dalam *Lagu Kehidupan* (1983) dan *Bintang Mengerdip* (1984). Di samping menulis puisi, Dharmawijaya pernah bergiat di dalam aktiviti GAPENA sebagai Setiausaha Dua sejak tahun 1975.

## **PENYAIR DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT**

Puisi Melayu Moden atau sajak dihubungkan dengan persoalan kemasyarakatan timbul daripada kesedaran serta keyakinan penyair bahawa hubungan diantara sastera dengan masyarakat begitu erat. Oleh itu penyair akan berusaha menyampaikan apa yang benar-benar berlaku dalam sesebuah masyarakat melalui puisi atau sajak mereka. Ini bertepatan seperti apa yang dikatakan oleh Mohammad Mokhtar Hassan (1995:56) yang memetik pendapat Wilbur S.Scott, dalam *Five Approaches of Literary Criticisms* (London: Collier Macmillan Publishers, 1974, hlm. 123) menyatakan bahawa setiap hasil sastera tidak terlaksana dalam keadaan kosong dan ia bukannya hasil usaha seseorang individu tetapi merupakan hasil hubungan pengarang dengan masa, ruang dan masyarakat sebagai wadah menyuarakannya.

Mana Sikana (1998:144) menyatakan bahawa pengaruh masyarakat terhadap sesebuah karya sastera itu amat kuat. Masyarakat merupakan kuasa penentu terhadap penciptaan dan nilai sastera. Menurut Mana Sikana lagi, secara tidak langsung penulis akan menulis sesuatu yang berkaitan dengan masyarakat kerana apa yang mereka tulis adalah gambaran kenyataan dan ekspresi masyarakat. Apa yang berlaku di sekelilingnya akan menjadi bahan yang menarik untuk digenrekan samada berbentuk novel atau puisi, di dalamnya secara langsung atau tidak akan terungkap persoalan kemasyarakatan.

Bersesuaian dengan disiplin sosiologi bahasa, pengkaji akan melihat karya penyair yang terkenal dengan keperihatinannya terhadap kehidupan kaum tani iaitu Dharmawijaya. Perspektif yang digambarkan oleh beliau melalui tiga buah puisi ini ('Kampung Talang', 'Cinta Sayang Di Sawah Ladang' dan 'Tanah Airku') adalah gambaran masyarakat dan keadaan sebenarnya berlaku di kampung halaman beliau dan keadaan tanah air ketika itu (di tahun 1960-an). Ini merangkumi keadaan sosial, ekonomi dan teknologi antara bandar dan luar bandar yang tidak seimbang. Keadaan sosial yang pincang dan masalah kepimpinan yang korup juga disentuh. Sesungguhnya mengkritik keadaan sosial sememangnya menjadi rukun kepada karya yang bersifat sosiologikal dan akan dikaitkan dengan keindahan bahasa dalam tiga buah puisi penyair yang telah dinyatakan.

## **GAMBARAN MASYARAKAT DALAM PUISI-PUISI DHARMAWIJAYA**

Dharmawijaya membawa erti kemurnian suatu pengorbanan umpama sekuntum bunga yang mekar mewangi. Dengan nama itu beliau terus berkarya hingga jauh meresapi teluk hati anak manusia, dari gunung dan lurah lalu ke puncak menara. Dharmawijaya (*Dewan Sastera*, Februari 1999) berkata;

“Sebagai penulis, saya tidak dapat memisahkan kehidupan saya dengan alam. Alam petani ini adalah hidup saya dan saya tidak boleh berpura-pura dan tidak boleh menolak kejujuran saya, sebab saya mesti mengucapkan apa-apa yang saya alami”.

Untuk mengungkap pengalaman berpuisinya, Dharmawijaya menulis;

Puisiku selamanya menyapa  
Embun pagi yang resah  
Meniti dan rebah  
Rintih kasih anak manusia

(‘Puisiku’, *Warna Maya*; hlm. 66)

Puisi-puisi Dharmawijaya bertolak daripada alam masa kecil yang membentuk sikap dan pemikirannya. Dia melukis keindahan sawah ladang, menyanjung limpah budi desa kelahiran dan menjunjung kemerdekaan negara yang gemilang demikianlah aspek sosiologi bahasa yang digabungkan dalam keindahan bahasa melalui puisi-puisi ciptaan beliau yang menjadi malar hijau hingga ke saat ini.

### ‘Kampung Talang’

Mengenang tanah air tercinta, tempat desa kelahiran puisi ‘Kampung Talang’ amat menyentuh perasaan seperti dua rangkap berikut;

Duhai kampung Talang  
Limpah budimu memang ku sayang  
Sekadarkan diucap dan kenang  
Air mata ini sering berlinang

Betapalah tidaknya O, tanah kelahiran  
Yang mengenal erti hidup dan kehidupan  
Siangmu semakin mencemas harapan  
Malammu semakin menipis keyakinan

(*Dewan Bahasa* Julai, 1967:1-8)

Kekuatan puisi ini ialah kepekaan Dharmawijaya terhadap Kampung Talang, tanah tumpah darahnya. Beliau begitu arif tentang desa kelahirannya hingga segala-gala yang berlaku di kampung tersebut dapat diungkapkan melalui dua rangkap di atas. Seperti kata Ramli Isin dalam ‘Suka Lara Penyair Tiga Dekat’ (*Dewan Sastera*, Februari 1999, hlmn. 90 ) beliau berkata;

‘...dalam konteks ini, keakrabannya dengan alam semula jadi dan rahsia yang terdapat di dalamnya itu tidak mendap begitu sahaja atau tidak meninggalkan bekas kepada Dharmawijaya malah menjadi pemikiran kreatif dan menyentuh daya sensitivitinya dengan mendalam. Setelah pemikiran mentah tentang alam itu mencerap dan mengalami waktu pengadunan sekian lama dengan unsur penciptaan puisi dan keintelektualan, pemikiran itu diekspresikannya dalam bentuk puisi menggunakan wahana bahasa yang cukup indah dan trampil pengucapannya’.

Hamzah Hamdani (1998:XIV) menyatakan sebagai penyair, Dharmawijaya bukan sahaja dapat menghayati dan mengungkapkan keindahan alam negaranya tetapi juga dapat meneropong jauh ke dalam kehidupan masyarakat, terutama mereka yang terdiri daripada kaum tani, nelayan dan buruh. Perasaan cintakan desa dan kampung halaman begitu ketara dan dirakamkan melalui bahasa puisi yang lembut dan indah. Sebuah puisinya yang cukup popular tentang desa ialah ‘Kampung Talang’, sebuah kampung yang terbiar buat beberapa waktu sebelum negara mencapai kemerdekaan. Begitulah bila Dharmawijaya berbicara tentang masyarakat petani di daerah kelahirannya. Penyair melihat masalah petani sebagai masalah kemiskinan, petani hanya bermodalkan tulang empat kerat. Di situ tergambar kehidupan dalam suasana jelik dan dengan segala kepincangannya. Manusia petani digambarkan oleh penyair dengan segala kejujuran dan kesedaran yang mengharukan (Mohd Thani Ahmad, 1988:257)

Penyataan di atas bertepatan seperti apa yang digambarkan oleh Dharmawijaya dalam rangkap tiga dan empat puisi ‘Kampung Talang’ seperti di bawah;

Pabila di tanah kasihmu yang wangi  
Menyapa tangis langsung seorang bayi  
Maka tentulah untuk besar dan dewasanya  
Bakal mengisi dunia petani di tembang sengsara.

Ku tahu daerahmu bersungai susu  
Kutahu di perut bumimu beremas urai  
Sedang dipinta hidup kerabat karibku  
Cumalah bagai menadah embun berderai

Menurut Dharmawijaya lagi puisi ‘Kampung Talang’, menggambarkan kehidupan petani yang kembara impiannya ‘cumalah bagai menadah embun berderai’, jelas menggerakkan jiwanya untuk membawa senandung nasib petani di desa kelahirannya. Ini jelas seperti rangkap akhir sajak ini;

Duhai kampung Talang  
Pada teguh tenangmu  
Menerima hari-hari yang pergi dan datang  
Pastilah ditidur jaga anak-anakmu  
Sayu matanya ke sawah ladang  
Pilu hatinya ke bukit berjuang

Ramli Isin (*Dewan Sastera*, Februari 1990:90) menyatakan secara sedar Dharmawijaya mengaitkan fenomena dan alam semula jadi degan kehidupan sehari-hari seorang manusia atau sesuatu kelompok masyarakat, khususnya kelompok masyarakat bangsanya yang sentiasa berhadapan dengan alam semula jadi. Kesan pengadunan kaitan antara dua faktor ada kalanya Dharmawijaya menceritakan terutama apabila alam semula jadi itu digunakan semata-mata untuk menghubungkannya dengan kehidupan masyarakat sekitaran. Ada kalanya Dharmawijaya menderitakan manusia atau masyarakat yang menjadi pemikirannya itu. Malah ada kalanya penyair ini menceritakan aspek ceria dan derita manusia itu bersama-sama dalam sesebuah puisinya. Hal ini jelas dicitrakannya dalam puisi ‘Cinta Sayang Di Sawah Ladang’, yang begitu menggugah perasaan khalayak pembaca. Pada rangkap pertama nada cerita itu mula menjentik dan meniti di bibir anak-anak tani seperti nukilannya di bawah.

### **‘Cinta Sayang di Sawah Ladang’**

Padi yang berbunga emas mentarinya  
Petang yang tiada tempua merendah sarangnya  
Adalah limpah kurnia menguntum sayang  
Dalam debar anak tani di sawah ladang

Sedang bunga harapan yang mula mengembang itu ternyata tidak bertahan lama lantaran Dharmawijaya membayangkan pula titik derita akan menjenguk masyarakat tani itu seperti yang diceritakannya pada rangkap empat berikut;

Ai, dari jerih pagi ke hening malamnya  
Anak-anak tani bertasbih hiba  
Meskipun keringat setia tertumpah  
Dan khidmat bumi berkurun menyembah  
Sedang esok, lusa dan seterusnya  
Derita lara dipapah juga.

Mohd Mokhtar Hassan (1990:29) menyatakan Dharmawijaya bukan sahaja sering melahirkan rasa simpatinya, malah mengheret bersama-sama pembaca mengenali keperitan dan kesusahan serta kesengsaraan kehidupan masyarakat petani. Hal ini cukup jelas seperti yang telah digambarkan dalam rangkap tersebut.

Di dorong rasa cinta dan kasihnya yang mendalam terhadap petani, seringkali Dharmawijaya menyindir akan gelagat sebilangan pemimpin yang ‘dipertanggungjawabkan’ oleh rakyat mengabaikan tanggungjawabnya membela dan memperbaiki kehidupan golongan petani yang penuh kesengsaraan itu. Para pemimpin hanya sekadar meluahkan janji, tetapi setiap janji yang dikatakan tidak dikotakan. Mereka hanya manis dimulut bagaikan mencurahkan madu di bibir;

O, para dewa di jantung parlimen  
Dalam tidur dalam jaganya  
Di gegar dan menggegar ucap keramat  
...keadilan, keamanan dan kemakmuran...  
Tapi apalah  
Kalau cinta sekadar bicara  
Kalau cinta sekadar rasa  
Sedang yang mengusik yang menyapa  
Hanyalah sumpah pepura.

Demikian janji yang tinggal janji, harapan yang hancur berderai, kehidupan petani bahagiannya cuma mimpi. Kesetiaan dan budi mereka diperlukan ketika membuang undi sahaja.

Tahu tahulah  
Anak-anak tani  
Yang pernah ditagih  
Setia budinya ini  
Dalam mengharap miliknya  
Bahagia cuma berlangsir mimpi  
Usianya hanyut menjerut hati

Setelah kita disenandungkan dengan lagu simpati dan kasih sayangnya terhadap golongan petani, kecintaannya yang tidak berbelah bahagi di daerah kelahirannya ‘Kampung Talang’ dan rasa tanggungjawabnya untuk membela nasib golongan petani yang telah begitu berjasa dan telah digambarkan dalam ‘Cinta Sayang Di Sawah Ladang’, pengkaji mengemukakan sebuah lagi puisi Dharmawijaya yang sesuai mengikut disiplin sosiologi iaitu ‘Tanah Airku’ yang begitu bersemangat, sesuai dengan kehendak masyarakat ketika itu, iaitu di awal tahun 1960-an, ketika negara baharu sahaja mencapai kemerdekaan.

### **‘Tanah Airku’**

Tanah Airku  
Ini ku nyanyikan lagu  
Setia rela yang padu  
Ke bumi jantungmu  
  
Telah melimpah sudah  
Citawaja dan keluhuran sumpah  
Dengan kasih wangi  
Di ini hati budi anak peribumi

Mungkin semasa kecil dan remajanya Dharmawijaya pernah merasai pahit getirnya hidup di zaman penjajah. Dengan itu tidak hairanlah beliau merakamkan rasa kelegaannya setelah tanah air merdeka. Ini jelas digambarkan seperti rangkap tiga berikut;

Lantas teguh-utuhlah  
Ku junjung mahkota keagunganmu  
Bersama air mata dan darah  
Dan tenang-tenteramlah  
Ku hirup udara kemakmuranmu  
Bersama keringat basah

Namun demikian selepas tanah air merdeka, terdengar pula suara anak peribumi yang hidupnya masih menagih simpati mengharap belas ikhsan dalam masa yang sama pembangunan terus pesat dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam rangkap berikut;

Tanah airku  
Meski dikau telah mengukir ucap-puja kemerdekaan  
Dan hiruk-pikuk atas nama pembangunan  
Ku dengar jua rintih sendu  
Anak-anak dalam meminta-minta  
Di ruang dadamu yang kaya-raya.

Oleh itu dalam fasa pertama dan kedua selepas kemerdekaan, Dharmawijaya dengan rasa tanggungjawabnya ingin menyedarkan pihak-pihak yang berwajib, bahawa erti kemerdekaan sebenarnya adalah untuk membela nasib bangsa yang hidup dalam kedaifan dan kemiskinan. Di sinilah letaknya harga diri anak peribumi;

Maka dari sari-yakin yang dianugerahkan  
Akan ku kembangkan sayap kesedaran  
Tentang harga diri yang penuh makna  
Bahawa ini kemerdekaan  
Adalah meminta pengorbanan  
Pada yang memberi dan menerima  
Tanpa mengenal putus asa

Fasa ketiga puisi 'tanah Airku' ini menyeru bangsanya supaya mengambil kesempatan di atas tiket kemerdekaan untuk bangun berusaha dengan gigih demi mengubah cara hidup. Kerana menurut beliau, 'pipih tidak datang melayang bulat tidak datang mengolek'. Perum pamaan yang diselitkan dalam rangkap keenam ini memang tepat dan menjelaskan segala-galanya;

Tanah airku  
Hari ini telah ku tau  
Bahawa milik hidup yang diburu bimbang  
Antara senyum dunia yang molek  
'pipih tidak datang melayang'  
Bulat tidak datang mengolek'.

Demikian suara yang hendak digambarkan oleh Dharmawijaya tentang kehendak masyarakat terhadap tanah air sebaik sahaja selepas merdeka dalam 'Tanah Airku'. Pandangannya terhadap kehidupan rakyat begitu padat dengan lagu anak tani, membela nasib mereka yang begitu banyak berjasa dalam hidupnya. Keindahan 'Kampung Talang' hingga dikenali dipelbagai pelusuk dunia. Membawalah kepada 'Cinta Sayang Di Sawah Ladang'. Semuanya telah diungkapkan dengan cukup baik dan jelas sesuai dengan disiplin sosiologi bahasa, di mana kehidupan masyarakat dapat digambarkan melalui puisi Melayu moden atau sajak.

Sesungguhnya pengaruh ASAS 50, 'Seni Untuk Masyarakat' begitu ketara terhadap hasil-hasil karya penyair selepas merdeka. Kenyataan ini diakui oleh Baharuddin Zainal dalam kertas kerjanya "Bahasa Sebagai Alat Pengucapan Dalam Kesusasteraan", yang dibentangkan dalam Seminar Kesusasteraan Nusantara, Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1974, di mana beliau berkata;

...selepas Usman Awang dan A.Samad Said yang mewakili ASAS 50, satu kafilah penyair yang dinamakan sebagai penyair 60-an telah memerhatikan dan belajar dari tradisi yang telah dikembangkan oleh mereka, lalu berasa wajar untuk memajukan tradisi itu selanjutnya. Penyair yang beliau maksudkan antara lain ialah Dharmawijaya. Selain ramai lagi yang seangkatan dengan beliau seperti Kemala, A.Wahab Ali, Hadzrami A.R, Firdaus Abdullah, Shamsuddin Jaafar dan Jihaty Abadi.

Drs J.U.Naution dalam artikelnya "Kesusasteraan Malaysia Mutakhir" yang tersiar dalam *Dewan Sastera*, (Julai 1975, hlm. 54) berkata bahawa pengaruh penyair Usman Awang masih kuat. Usman Awang bukan sahaja sebagai penyair, tetapi peribadinya amat kuat untuk mempengaruhi pengarang-pengarang muda. Pada awal tahun 60-an beliau selaku abang kepada sasterawan-sasterawan muda ini. Beliau juga mengatakan bahawa orang-orang ASAS 50 inilah pejuang-pejuang bahasa dan sastera. Beliau mengatakan lagi bahawa Dharmawijaya, nada pengucapannya dalam puisi-puisinya masih sinonim dengan ASAS 50 yang suka menyatakan kecintaan terhadap kampung halaman secara alamiah, dengan bahasa yang baik sekali. Romantik mereka adalah romantik alami dan bukan dengan angan kosong.

Sesuai dengan disiplin sosiologi bahasa penyair-penyair selepas merdeka seperti Dharmawijaya turut mengisi cita-cita kemerdekaan, menyedarkan bangsanya untuk maju, menulis sajak cinta damai, cinta tanah air, dan sebagainya. Memangnya dari segi tema, tidak banyak bezanya daripada penyair ASAS 50. Ada sesetengah pendapat mengatakan bahawa mereka adalah bayangan dan penerusan ASAS 50. Seperti kata Dharmawijaya (1998:33) sajak-sajak yang dihasilkan oleh golongan 'Penyair Tahun Enam Puluhan' itu, terlihat adanya ciri-ciri persambungan atau lanjutan daripada karya penyair-penyair ASAS 50. Ini kerana mereka masih begitu terpukau untuk menyuarakan kerinduan terhadap tanah kelahiran dan penderitaan rakyat jelata.

## KESIMPULAN

Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa karya-karya sastera yang memanfaatkan disiplin sosiologi bahasa yang diadunkan secara seimbang sebagai hasil cipta sastera yang unik tentu sahaja ikut berupaya mengundang khalayak daripada pelbagai status, kategori dan profesion. Karya-karya itu berupaya memancing khalayak dari luar sastera untuk ikut menelusuri pemikiran insan pengarang. Khalayak yang sedemikian dapat hadir sebagai pengamat sastera dan tidak mustahil memberi tanggapan dan tafsiran yang pelbagai, saling berbeza sesuai dengan ideologi, kecenderungan atau pendekatan yang dipilihnya. Oleh yang demikian tidak dinafikan lagi bahawa disiplin pelengkap/bantu yang menyepadukan karya sastera dengan sosiologi bahasa dapat memperlihatkan transformasi dalam kesusasteraan Melayu dengan memelihara jati diri dan dilaksanakan dengan baik serta penuh rasa tanggung jawab dan kesedaran diri untuk mengangkat maruah dan martabat karya kesusasteraan itu sendiri, khususnya puisi Melayu moden. Melalui kajian sosiologi bahasa berupaya menggambarkan kehidupan masyarakat di dalamnya terkandung penghasilan sesuatu karya sastera yang mengandungi hakikat dan hubungan dengan khalayak. Ini adalah kerana dengan mempelajari sesuatu karya sastera itu, sebenarnya kita mempelajari suatu kehidupan sosial, seperti kata Shahnnon Ahmad, kesusasteraan adalah keperihal manusia. Kesusasteraan adalah seni yang indah yang diungkapkan melalui bahasa yang indah. Kesusasteraan adalah luahan hasrat seni manusia yang di dalamnya adalah cerminan akal budi manusia yang luhur.

## **RUJUKAN**

- Haji Yusof. (1990). *Puisi baharu Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1991). *Malaysia dalam puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ani Hj Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Dharmawijaya. (1974). *Warna maya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dharmawijaya. (1988). *Berkenalan dengan puisi*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Dharmawijaya. (1998). *Dunia puisi dalam penelitian dan pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hamzah Hamdani (peny) (1988). *Konsep dan pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani. Dharmawijaya penerima Anugerah Penyair GAPENA 1999. *Dewan Sastera*. Jilid 29. Bil 2/Februari, 1999:hlmn. 89.
- Hashim Awang. (1997). *Kritikan kesusasteraan teori dan penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joshua A.Fishman. (1991). *Sosiologi bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (1995). *Sejarah kritikan puisi Melayu moden (1949-1979)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Othman Puteh. (1988). *Pengisian dunia sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari. (1988). *Kritikan sastera Melayu. Pendekatan dan pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Isin. Suka lara penyair tiga dekat. *Dewan Sastera*. Jilid 29. Bil/Februari, 1999. Hlmn. 90-93.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.